Subject to any evidence of health as stipulated in **General Provisions 6.11** hereof, the insurance of each present and future eligible employee shall take effect on the employee's eligibility date provided the Employer notifies the Company within sixty (60) days after eligibility date and pays the premium required on the Employee's insurance for the period from the effective date of the insurance to the following Renewal Date. If the Company is notified after sixty (60) days from the eligibility date, the insurance shall take effect on the date the Company receives notification, subject to satisfactory evidence of insurability and acceptance by the Company.

Subject to any evidence of health as stipulated in **General Provisions 6.11** hereof, the insurance of a Dependent shall take effect on the dependent's eligibility date, provided the Employer notifies the Company within sixty (60) days after the eligibility date and pays the premium required on the dependent's insurance for the period from the effective date of the insurance to the following Renewal Date. If the Company

is notified after sixty (60) days from the eligibility date, the insurance shall take effect on the date the Company receives notification, subject to satisfactory evidence of insurability and acceptance by the Company.

6.5 Participation Requirement

This insurance is afforded on a non-contributory basis, where the premium payments are borne solely by the Employer, the persons eligible for insurance shall all be present and/or future permanent full-time employees of the Employer.

6.6 Payment of Premiums

All payments under this Policy shall be made in the legal currency of Malaysia. Should any payment be requested by the Insured Person to be payable in any other currency, then such amount shall be payable in the demand currency as may be purchased in Malaysia at the prevailing currency market rates on the date of the claim settlement.

6.7 Record

The Employer shall furnish periodically to the Company, information relating to new employees and dependents to be insured and termination of insurance of Employees and Dependents that may be required by the Company to administer the coverage. Upon request by the Company, not more than once a year, the Employer shall furnish a statement to the Company of the ages, occupations and such other relevant data concerning the Employees as may reasonably be considered to have a bearing on the administration of the coverage and on the determination of the future premium rates. Such information and records shall be open for inspection by the Company at any reasonable time.

6.8 Renewal Privilege

This Policy is issued on a yearly renewable basis and may be renewed from year to year subject to the consent of the Company and its provisions as therein contained.

6.9 Special Conditions

The following conditions will be applicable to all Insured Persons and their Dependents, if any:

- (a) There will be a waiting period of thirty (30) days from the commencement date of insurance for Sickness benefits;
- (b) No benefits will be payable if hospitalization and/or Illness commence within this period;
- (c) Coverage for accidental bodily Injuries will, however, be effective upon the commencement of insurance.

6.10 Termination of Individual Insurance

The insurance of an insured Employee shall terminate on the earliest happening of any of the following:

- (a) On the date of termination of employment with the Employer.

The absence of an insured Employee from active work on account of Disability or on account of leave of absence or temporary lay-off shall not constitute termination of the Employee's status as an eligible employee unless and until the Employer shall either notify the Company of such termination, in advance or within thirty (30) days from the termination date or shall cease to make premium payment on account of such Employee's Insurance. The Employee's last day of coverage under this insurance scheme will be the Employee's termination date of employment provided no claims have been paid on behalf of the Employee during this period. If claims have been paid during this period or if the Company was notified after thirty (30) days, then the Employee's coverage date will cease on the date the Company was notified of the Employee's termination. However, in no

event shall an Employee's status as an eligible employee be continued for longer than three (3) months during any period of leave of absence or temporary lay-off unless with the written consent of the Company without which, at the end of such period the Employee's status as an eligible employee shall automatically terminate. Notwithstanding the above, the insurance shall not be continued in any case for an Employee who is called up for full-time military service, in which case the Employee is deemed to be no longer in the service of the Employer; or

- (b) On the date when premium payments for an insured Employee's insurance are discontinued for any cause; or
- (c) On the date of termination of this Policy by either the Employer or the Company; or
- (d) At the end of the policy year following an insured Employee and Dependent, if any, attaining sixty-five (65) years of age.

The insurance of an insured Employee's Dependent shall terminate:

- (a) On the date of termination of the insurance afforded to the insured Employee; or
- (b) On the date such Dependant ceases to be a Dependent as defined herein.

6.11 Evidence of Health

Satisfactory evidence of health shall be required by the Company before an Employee and Dependent, if any, is accepted for insurance and is also required in the case of an increase in hospitalization benefits for the insured Employee and Dependent. If the result of medical examination proves to be unsatisfactory, the Company may accept the insurance in other than the usual terms or decline the insurance for the Employee and/or Dependent.

6.12 Premiums

The annual premium rates under the respective plans for Employees and their Dependents, if any, are as per Schedule attached.

All premiums on this Policy are to be paid to the Head Office of the Company in Malaysia, or to the Branch Offices of the Company designated by the Company for this purpose.

The first premium (i.e. the Policy Annual Premium) shall be paid on the commencement date of this Policy and thereafter on the commencement date of the next billing cycle. Subsequent premiums (i.e. Endorsement/Adjustment Billing Premiums) shall be paid on the premium due date. The payment of any premium shall not maintain the insurance under this Policy in force beyond the date when the next premium becomes due and payable except as provided in the attached Schedule.

All insurance hereunder shall terminate upon the premium due date if written notice that this Policy will not be renewed is given to the Company by the Employer on or before the said due date.

The Company will furnish the Employer with a Billing Statement of each premium due, which shall include a record of premium adjustment, if any. Premium adjustments involving return of unearned premiums to the Employer shall be limited to the period of twelve (12) months immediately preceding the date of receipt by the Company of evidence that such adjustments should be made, but not later than thirty (30) days from the expiry date of the policy.

The premium rates shall be reviewed on a yearly basis and subject to adjustment, if required, based on the experience of the Allianz Care - SMI portfolio. However, Company would review renewal rates on an individual basis if required instead of the group as a whole. This would be based on satisfactory of health condition.

6.13 Co-Ordination of Benefits

The benefits stated hereunder are subject to the limits of the Schedule of Benefits and in compliance with the "ACT".

- (a) No benefits shall be payable for any Disability arising out of injury while in the course of employment when benefits are received under Workmen's Compensation Ordinance, SOCSO or similar legislation unless such benefits do not fully cover incurred charges which are covered under the Policy;
- (b) No benefits shall be payable for charges which have already been received under other medical insurance or government plans except for charges which are not fully covered under such plans;
- (c) If an Insured Person is transferred from a Government Hospital to a Private Hospital (or vice-versa) for the same Disability, the combined aggregate of eligible expenses incurred from both Hospitals shall be allocated and appropriated to the relevant Schedule of Benefits and benefit limits applicable to the latter (second) Hospital that the Insured Person is transferred to;
- (d) If an Insured Person is transferred from Ambulatory Care (outpatient setting) to In-Hospital Care (inpatient setting) or vice-versa for the same Disability, the Insured Person shall be entitled to claim separately for both benefits under the respective benefit limits stated in the Schedule of Benefits.

7. Exclusions - Hospitalization

This contract does not cover any hospitalization, surgery or charges caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

1. Pre-existing illness for the first twelve (12) months of cover.
2. Specified Illnesses occurring during the first one hundred and twenty (120) days of continuous cover.
3. Any medical or physical conditions arising within the first thirty (30) days of the Insured Person's cover or date of reinstatement whichever is latest except for accidental Injuries.
4. Plastic/Cosmetic surgery, circumcision, eye examination, glasses and refraction or surgical correction of nearsightedness (Radial Keratotomy or Lasik) and the use or acquisition of external prosthetic appliances or devices such as artificial limbs, hearing aids, implanted pacemakers and prescriptions thereof.
5. Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by Accidental Injuries to sound natural teeth occurring wholly during the Period of Insurance.
6. Private nursing, rest cures or sanatoria care, illegal drugs, intoxication, sterilization, venereal disease and its sequelae, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV related diseases, and any communicable diseases required quarantine by law.
7. Any treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities including hereditary conditions.
8. Pregnancy, child birth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility, Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization.
9. Hospitalization primarily for investigatory purposes, diagnosis, X-ray examination, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered Disability

or any treatment which is not Medically Necessary and any preventive treatments, preventive medicines or examinations carried out by a Physician, and treatments specifically for weight reduction or gain.

10. Suicide, attempted suicide or intentionally self-inflicted injury while sane or insane.
11. War or any act of war, declared or undeclared, criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection.
12. Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material.
13. Expenses incurred for donation of any body organ by an Insured Person and costs of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications.
14. Investigation and treatment of sleep and snoring disorders, hormone replacement therapy and alternative therapy such as treatment, medical service or supplies, including but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bonesetting, herbalist treatment, massage or aroma therapy or other alternative treatment.
15. Care or treatment for which payment is not required or to the extent which is payable by any other insurance or indemnity covering the Insured Person and Disabilities arising out of duties of employment or profession that is covered under a Workman's Compensation Insurance Contract.
16. Psychotic, mental or nervous disorders, (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations).
17. Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephones, telex services, radios or similar facilities, admission kit/pack and other ineligible non-medical items.
18. Sickness or Injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities.
19. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes.
20. Expenses incurred for sex changes.
21. Terrorism.

8. Exclusions – Outpatient GP and Outpatient Specialist Care

This contract does not cover any Outpatient GP and Specialist charges caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

1. Members cannot purchase or acquire all types of external and internal appliances or devices (i.e. wheelchairs, implants, hearing aids, walking aids and etc).
2. Dental conditions including dental treatment or surgery except as a result of an accident.
3. Plastic/cosmetic consultation and surgery including eye examination, glasses, refractive errors of the eyes and its correction.
4. Hormone replacement therapy(s) which is not medically necessary.

5. Alternative therapies (i.e. acupuncture, chiropractic, reflexology and etc).
6. Surgical, mechanical or chemical contraceptive methods.
7. Sexual dysfunction, sex transformation whether by surgical or chemical.
8. Sexually transmitted diseases and its sequel, AIDS or HIV and its related complications.
9. Pregnancy, childbirth (including delivery), pre-natal, post-natal care, abortion, infertility and miscarriage.
10. Suicide, attempted suicide, self inflicted injury or overdose of any kind intentional or otherwise while sane or insane.
11. Routine health check-ups including gynaecological check-ups.
12. Outpatient physical or physiotherapy.
13. Speech and occupational therapy.
14. Treatment for congenital abnormalities, deformities and disabilities.
15. Vitamins, food supplements, preventive medicine which is not medically necessary, herbal cures, weight reduction or induction agents.
16. Soaps, shampoos or any toiletries items.
17. Treatment of Injuries sustained while under the influence of alcohol or narcotics or whilst in participation in any illegal or dangerous activities.
18. Allergy testing.
19. Psychotic, mental or nervous disorders, (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations).
20. House calls by doctors for any reason.
21. Purchase of treatment of rehabilitation drugs (i.e. smoking patches and etc).
22. Facial or treatment for Acne.
23. Dispense of member's current medication for a period of more than two (2) weeks except for member with chronic conditions e.g. diabetes, hypertension, etc where one (1) month supply is allowed.
24. Treatment/dispense of medication which are not consistent with diagnosis.

9. Limitations

- (a) No benefit shall be payable with respect to any period of Hospital confinement unless the entire confinement and all the special Hospital services rendered and operations performed, if any, had been recommended and approved by a legally qualified medical practitioner;
- (b) No benefit shall be payable if the Hospital confinement upon which the claim is based is not related to the diagnosis and treatment of the condition for which Hospital confinement is required by the attending medical practitioner;
- (c) No benefit is payable for charges, fees or expenses not mentioned under **Part 2** hereof.

Important

The Policyholder shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover is not in accordance with the wishes of the Policyholder, notice should at once be given to the Company and this Policy returned for amendment.

To Attach Schedule Here /
Kepilkan Jadual Di Sini

ALLIANZ CARE – SMI

BAHAWASANYA Orang Yang Diinsuranskan atau Pemegang Polisi menerusi sebuah permohonan dan perisytiharan yang akan menjadi asas bagi kontrak ini dan disifatkan sebagai terkandung di dalam perjanjian ini telah memohon **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** (kemudian dari ini digelar "Syarikat") bagi insurans yang terkandung kemudian dari ini dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual sebagai balasan bagi insurans tersebut untuk tempoh yang disebut dalam perjanjian ini.

Walaupun berdasarkan sebarang peruntukan di dalam Polisi ini, **asas kontrak** di atas adalah tidak terpakai kepada Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan seorang individu yang membuat, mengubah atau memperbaharui kontrak insurans **sempurnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan**

MAKA POLISI INSURANS INI MENYAKSIKAN BAHAWA, jika semasa dalam Tempoh Insurans, apa-apa kesakitan, Penyakit, penderitaan atau kecederaan akibat Kemalangan memerlukan Orang Yang Diinsuranskan tinggal di sebuah hospital untuk rawatan, Syarikat akan tertakluk pada terma dan syarat dan diendors pada Polisi ini, bayar kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sejumlah atau jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Dengan syarat sentiasa bahawa:

- (a) Liabiliti Syarikat tidak melebihi Had Tahunan Keseluruhan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi mana-mana satu Tempoh Insurans bagi mana-mana satu Orang Yang Diinsuranskan dan mematuhi jadual fi – Fi Profesional yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Belas di bawah AKTA Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Kemudahan Hospital Swasta dan Penjagaan Kesihatan Swasta Lain) Peraturan 2006 (kemudian dari ini dirujuk sebagai AKTA);
- (b) Polisi ini akan berkuat kuasa dari tarikh yang disebut di dalam Jadual. Polisi ini akan dikeluarkan untuk setahun dan di akhir setiap Tempoh Insurans boleh diperbaharui untuk setahun lagi tertakluk pada terma dan syarat yang dikemukakan;
- (c) Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam Undang-Undang atau penggantian perundangan lain maka Polisi ini akan kekal berkuat kuasa tetapi liabiliti Syarikat adalah terhad pada jumlah sebagaimana Syarikat sepatutnya bertanggungjawab untuk bayar sekiranya Undang-Undang tidak dipinda.

1. TAKRIF

- 1.1 KEMALANGAN** hendaklah bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan yang tertentu pada masa dan di tempat yang dikenal pasti, yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya sebab bagi kecederaan anggota badan.
- 1.2 RAWATAN PERGIGIAN AKIBAT KEMALANGAN** hendaklah bermaksud prosedur pergigian yang perlu akibat sesuatu kemalangan.
- 1.3 KERJA SEPENUH MASA SECARA AKTIF** hendaklah bermaksud menggunakan masa dan tenaga dengan sepenuhnya untuk berkhidmat kepada Majikan di tempat perniagaan yang lazim digunakan oleh Majikan tadi secara tetap dan berjadual yang mana setiap tugas yang dijalankan ada kaitan dengan Kakitangan beliau, tetapi seseorang Kakitangan itu akan dianggap bekerja sepenuh masa secara aktif pada setiap hari apabila beliau diberi cuti bergaji ataupun pada sesuatu hari biasa beliau tidak bekerja apabila beliau bukan di dalam keadaan Hilang Upaya atau dimasukkan ke Hospital, dengan syarat beliau telah bekerja sepenuh masa secara aktif pada hari biasa terakhir sebelumnya.

1.4 MANA-MANA SATU HILANG UPAYA hendaklah bermaksud semua tempoh Hilang Upaya yang timbul daripada sebab yang sama termasuk mana-mana dan semua komplikasinya kecuali jika Orang Yang Diinsuranskan pulih sepenuhnya dan tidak perlu menjalani apa-apa rawatan lanjut (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat tentang keadaannya) bagi hilang upaya itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar Hospital dan Hilang Upaya berikutnya akibat daripada sebab yang sama hendaklah dianggap seolah-olah Hilang Upaya itu adalah yang baru.

1.5 KETERTERAPAN hendaklah bermaksud perkhidmatan dan hak-hak (ke atas pembayaran ganti tertakluk kepada had maksimum yang disebutkan dalam Jadual Manfaat) dalam perkara Kemasukan di Hospital dan Penjagaan ambulatori yang diguna pakai di serata dunia, tertakluk kepada berikut:

- (a) Apabila pekerja atau tanggungannya adalah penduduk Malaysia sedangkan Orang Yang Diinsuranskan itu kerap berada di luar Malaysia (untuk bekerja atau bersantai) kurang daripada sembilan puluh (90) hari kalendar apabila beliau memerlukan perkhidmatan atau rawatan perubatan di atas sebab-sebab kecemasan atau kemalangan; atau
- (b) Apabila perkhidmatan perubatan yang diperlukan tidak terdapat di Malaysia. Maka, surat perujukan daripada doktor merawat yang memperakui bahawa perkhidmatan atau rawatan seperti itu tidak terdapat di Malaysia, tertakluk kepada kelulusan daripada Syarikat.

1.6 ANAK hendaklah bermaksud mana-mana orang yang telah mencapai umur lima belas (15) hari dan tidak berkahwin, yang bergantung dari segi kewangan pada Orang Yang Diinsuranskan dan berumur kurang daripada dua puluh (20) tahun atau hingga dua puluh empat (24) tahun bagi mereka yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.

1.7 PENYAKIT KONGENITAL hendaklah bermaksud apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neonatal yang berkembang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ini termasuk semua jenis hernia dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Yang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini.

1.8 PEMBEDAHAN HARIAN

Pesakit yang perlu menggunakan kemudahan pemulihan untuk prosedur pembedahan yang dirancang terlebih dahulu di Hospital/klinik pakar (tetapi bukan untuk bermalam).

1.9 DOKTOR GIGI hendaklah bermaksud orang yang berlesen atau berdaftar sewajarnya untuk mengamalkan pergigian dalam kawasan geografi yang menyediakan khidmat, tetapi tidak termasuk Doktor Gigi yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

1.10 TANGGUNGAN hendaklah bermaksud mana-mana orang yang berikut:

- (a) Suami/isteri yang berkahwin secara sah;
- (b) Anak yang tidak berkahwin yang telah mencapai umur lima belas (15) hari tetapi kurang daripada dua puluh (20) tahun atau dua puluh empat (24) tahun bagi yang masih menjadi pelajar sepenuh masa di pusat pengajian tinggi, dan yang tidak mempunyai pekerjaan bergaji.

1.11 HILANG UPAYA hendaklah bermaksud Sakit, Wabak, atau Penyakit atau semua Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.

1.12 DOKTOR ATAU PAKAR PERUBATAN ATAU PAKAR BEDAH hendaklah bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.

- 1.13 PERBELANJAAN YANG LAYAK** hendaklah bermaksud belanja yang Perlu Dari Segi Perubatan yang ditanggung disebabkan oleh Hilang Upaya yang dilindungi tetapi tidak melebihi had manfaat dalam Jadual.
- 1.14 KECEMASAN** hendaklah bermaksud rawatan yang penting dalam keadaan yang mana perhatian perubatan yang segera diperlukan dalam masa dua belas (12) jam bagi Kecelakaan, Penyakit atau sebarang gejala yang tiba-tiba dan tenat yang boleh mengancam nyawa ahli (contohnya kemalangan dan serangan jantung) atau menjejaskan kesihatan yang ketara.
- 1.15 HOSPITAL** hendaklah bermaksud hanya pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai Hospital untuk jagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan yang:
- Mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
 - Menyediakan khidmat jagaan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar dan bersiswazah;
 - Di bawah penyeliaan Pakar Perubatan; dan
 - Bukan klinik; tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah; pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.
- 1.16 PENGHOSPITALAN** hendaklah bermaksud dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi apabila disyorkan oleh Pakar Perubatan. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak tinggal di Hospital secara fizikal sepanjang tempoh dimasukkan ke Hospital.
- 1.17 KECEDERAAN** hendaklah bermaksud kecederaan anggota badan yang semata-mata disebabkan oleh Kemalangan.
- 1.18 ORANG YANG DIINSURANSKAN** hendaklah bermaksud orang yang dinyatakan dalam Jadual Polisi termasuk Tanggungannya (jika berkenaan).
- 1.19 UNIT RAWATAN RAPI** hendaklah bermaksud satu bahagian di Hospital yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan yang diselenggara dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan bagi pesakit dalam keadaan kritikal dan dilengkapi khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain Hospital itu.
- 1.20 HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA** hendaklah bermaksud Hospital yang bayaran khidmatnya tertakluk kepada Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan berikutnya jika ada.
- 1.21 PERLU DARI SEGI PERUBATAN** hendaklah bermaksud khidmat perubatan yang:
- Selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi Hilang Upaya yang dilindungi; dan
 - Menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan juga dengan manfaat kesihatan yang sah; dan
 - Bukan untuk kemudahan Orang Yang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diperolehi sewajarnya di luar Hospital (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam); dan
 - Bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
 - Yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Hilang Upaya itu.
- 1.22 AHLI** bermaksud sama ada Kakitangan atau Tanggungan.
- 1.23 HAD TAHUNAN KESELURUHAN**
- Manfaat yang dibayar bagi belanja yang dikenakan untuk rawatan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans hendaklah dihadkan mengikut Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Jadual
- Manfaat tanpa mengira jenis Hilang Upaya. Jika Had Tahunan Keseluruhan telah dibayar, maka semua insurans untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah ini hendaklah dihentikan bayarannya serta-merta bagi baki Tahun Polisi tersebut.
- 1.24 PESAKIT LUAR** hendaklah bermaksud Orang Yang Diinsuranskan yang menerima jagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke Hospital dan termasuk rawatan di pusat Rawatan Harian.
- 1.25 PEMEGANG POLISI** hendaklah bermaksud orang atau badan korporat yang kepadanya Polisi dikeluarkan bagi melindungi orang yang secara khusus dikenali pasti sebagai Orang Yang Diinsuranskan dalam Polisi ini.
- 1.26 TAHUN POLISI** hendaklah bermaksud tempoh satu (1) tahun termasuk tarikh mula kuat kuasa Insurans dan sebaik sahaja selepas tarikh itu, atau tempoh satu (1) tahun selepas Polisi Pembaharuan atau Polisi Diperbaharui.
- 1.27 MASALAH-MASALAH PRAWUJUD** hendaklah bermaksud Hilang Upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Diinsuranskan. Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:
- Orang Yang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan;
 - Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan yang telah disyorkan;
 - Gegala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
 - Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
- 1.28 UBAT YANG DIPRESKRIPSIKAN** hendaklah bermaksud ubat yang diberikan oleh Pakar Perubatan, Ahli Farmasi Berdaftar atau Hospital dan yang dipreskripsikan oleh Pakar Perubatan atau Pakar bagi rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.
- 1.29 BAYARAN MUNASABAH DAN BIASA DIAMALKAN** hendaklah bermaksud bayaran rawatan perubatan yang perlu dari segi perubatan, yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi bayaran itu tidak melebihi had biasa bayaran yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, khidmat atau bekalan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk Sakit, Penyakit atau Kecelakaan serta selaras dengan piawai dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan.
- 1.30 POLISI PEMBAHARUAN ATAU POLISI DIPERBAHARUI** hendaklah bermaksud Polisi yang telah dibaharui tanpa apa-apa tempoh luput sebaik sahaja tamatnya tempoh setelah Polisi sebelumnya dengan kandungan yang sama tamat tempoh.
- 1.31 SAKIT, WABAK ATAU PENYAKIT** hendaklah bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal.
- 1.32 PAKAR** hendaklah bermaksud pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen sewajarnya di kawasan geografi yang khidmat tersebut diberikan, dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan khusus dalam bidang perubatan atau pergigian yang tertentu, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri.
- 1.33 PENYAKIT TERTENTU** hendaklah bermaksud Hilang Upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama Insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan:
- Hipertensi, diabetes melitus dan Penyakit kardiovaskular;
 - Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan biliari;

- (c) Semua Penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
- (e) Endometriosis termasuk Penyakit sistem pembiakan;
- (f) Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan Penyakit lutut.

1.34 PEMBEDAHAN hendaklah bermaksud mana-mana prosedur perubatan yang berikut:

- (a) Untuk menginsisi, mengeksisi atau mengelektrokauteri mana-mana bahagian organ atau badan kecuali untuk khidmat pergigian;
- (b) Untuk membaiki, mengubah atau membentuk semula mana-mana bahagian organ atau badan;
- (c) Untuk mengurangkan fraktur atau dislokasi melalui manipulasi;
- (d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esophagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

1.35 TEMPOH TANGGUH hendaklah bermaksud tiga puluh (30) hari pertama antara masa bermulanya Hilang Upaya Orang Yang Diinsuranskan dan bermulanya tarikh Polisi/tarikh pengembalian semula, dan terpakai hanya apabila orang itu dilindungi pertama kalinya. Hal ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika insurans terhenti, maka Tempoh Tangguh akan terpakai sekali lagi.

2. Jenis Manfaat

Manfaat yang dinyatakan menurut dokumen ini adalah tertakluk pada had Jadual Manfaat dan mematuhi "AKTA".

2.1 Bilik Hospital Dan Makan

(a) Bilik Biasa

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk penginapan di bilik dan makan. Jumlah manfaat hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital, tetapi manfaat tidak boleh melebihi, bagi mana-mana satu hari, kadar Manfaat Bilik dan Makan, dan bilangan maksimum satu ratus dua puluh (120) hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Orang Yang Diinsuranskan hanya layak menerima manfaat ini apabila dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam.

(b) Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk bilik dan makan yang sebenarnya ditanggung semasa dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Bayaran manfaat ini hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital tertakluk kepada manfaat maksimum bagi mana-mana satu hari, dan bilangan maksimum hari, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Apabila tempoh dimasukkan ke Hospital di Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum dua puluh (20) hari yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, maka pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar Bilik dan Makan Harian Hospital.

Manfaat Bilik dan Makan Hospital tidak boleh dibayar bagi tempoh dimasukkan ke hospital tersebut apabila Manfaat Unit Rawatan Rapi Harian dibayar.

2.2 Bekalan Dan Kidmat Hospital

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang sebenarnya ditanggung dan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk jagaan am, dadah dan ubat yang

dipreskripsikan dan dimakan, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisma basal, suntikan dan larutan intravena, pemberian darah dan plasma darah, tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam di Hospital, hingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

2.3 Bayaran Pembedahan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar, termasuk lawatan penilaian prapembedahan Orang Yang Diinsuranskan oleh Pakar dan rawatan selepas pembedahan sehingga maksimum enam puluh (60) hari dari tarikh pembedahan, tetapi dalam tempoh maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika lebih daripada satu pembedahan dijalankan bagi Mana-mana Satu Hilang Upaya, jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dijalankan, tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

2.4 Bayaran Pakar Bius

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Bius untuk pemberian bahan bius yang Perlu Dari Segi Perubatan tidak boleh melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

2.5 Bilik Bedah

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk Bilik Bedah yang berkaitan dengan prosedur pembedahan.

2.6 Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh Pakar Perubatan untuk lawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas pesakit dalam berbayar semasa dimasukkan ke Hospital kerana Hilang Upaya bukan pembedahan tertakluk kepada maksimum satu (1) lawatan sehari tidak melebihi maksimum satu ratus dua puluh (120) hari yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

2.7 Ujian Diagnostik Prahospital

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk ECG, sinar-x dan ujian makmal yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dijalankan di Hospital untuk tujuan diagnostik bagi Kecederaan atau Penyakit apabila berkaitan dengan Hilang Upaya sebelum dimasukkan ke Hospital dalam masa maksimum enam puluh (60) hari yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat dan yang disyorkan oleh pengamal perubatan yang layak. Bayaran tidak akan dibuat jika dalam khidmat diagnostik itu, Orang Yang Diinsuranskan tidak perlu dimasukkan ke Hospital untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu. Bayaran ubat dan rundingan yang dikenakan oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

2.8 Rundingan Pakar Prahospital

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk rundingan kali pertama oleh Pakar yang berkaitan dengan Hilang Upaya dalam masa enam puluh (60) hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke Hospital, dan dengan syarat rundingan itu Perlu Dari Segi Perubatan dan telah disyorkan secara bertulis oleh pengamal perubatan am yang memberikan rawatan.

Bayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat dan rundingan berikutnya selepas Penyakit didiagnosis) atau apabila Orang Yang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke Hospital untuk rawatan bagi keadaan perubatan yang didiagnosis itu.

2.9 Pendapat Kedua Pembedahan

Satu amaun yang bersamaan dengan caj sebenar bagi perundingan atau pendapat Pakar kedua dalam masa enam puluh (60) hari dari hari pertama rundingan dengan Pakar yang telah memberikan rawatan dalam enam puluh (60) hari dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini hanya dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan kemudian dimasukkan ke Hospital.

2.10 Rawatan Selepas Penghospitalan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung dalam rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan yang sama yang telah memberikan rawatan dalam enam puluh (60) hari dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital kerana Hilang Upaya bukan pembedahan. Ini hendaklah termasuk ubat yang dipreskripsikan dalam rawatan susulan tetapi tidak boleh melebihi bekalan yang diperlukan untuk maksimum enam puluh (60) hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

2.11 Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Dan Kecemasan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung hingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, bagi Kecelakaan anggota badan yang dilindungi yang timbul daripada Kemalangan untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau Hospital berdaftar dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa berlaku Kemalangan yang menyebabkan Kecelakaan anggota badan yang dilindungi. Rawatan susulan oleh Doktor yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk Kecelakaan anggota badan yang dilindungi yang sama akan disediakan hingga jumlah maksimum dan hingga jumlah maksimum enam puluh (60) hari seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

2.12 Prosedur Penjagaan Harian

Satu amaun yang bersamaan dengan caj sebenar yang dikenakan termasuk semua kos sampingan yang di levi oleh pihak Hospital atau Pusat Pakar Penjagaan Harian bagi prosedur penjagaan harian (Pembedahan dan Perubatan) yang dijalankan dalam persekitaran Pesakit Luar (tanpa kemasukan ke Hospital). Prosedur perubatan ini termasuk Endoskopi (semua jenis), Intravena Filografi (IVP/IVU), Kajian Barium dan Angiografi serta lain-lain prosedur diagnosis yang dianggap perlu bagi perubatan dan akan dirujuk oleh Doktor bertauliah terlebih dahulu.

2.13 Bayaran Ambulans (dijalan raya sahaja)

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk khidmat ambulans rumah (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital di mana Orang Yang Diinsuranskan itu dimasukkan ke Hospital. Bayaran tidak akan dibuat jika Orang Yang Diinsuranskan itu tidak dimasukkan ke Hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

2.14 Elaun Tunai Harian Di Hospital Kerajaan

Bayaran elaun harian bagi setiap hari semasa berada di Hospital untuk Hilang Upaya yang dilindungi di Hospital Kerajaan Malaysia, dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan dihadkan kepada kadar Bilik dan Makan yang tidak melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Bayaran tidak akan dibuat bagi mana-mana pemindahan ke atau dari mana-mana Hospital Swasta dan Hospital Kerajaan Malaysia bagi Hilang Upaya yang dilindungi.

2.15 Pembayaran Balik Yuran Laporan Perubatan

Satu amaun yang bersamaan dengan caj sebenar bagi sebarang Laporan Perubatan yang diperlukan akan dibayar

balik oleh Syarikat sehingga had maksimum bagi setiap kehilangan upaya seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Ini boleh diguna pakai bagi sebarang tuntutan yang termasuk di bawah Faedah bagi Kemasukan ke Hospital dan Penjagaan Ambulatori.

2.16 Rawatan Kanser Pesakit Luar

Jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis menghidap kanser seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan Kanser yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dijalankan di pusat rawatan Kanser berdaftar yang sah tertakluk kepada had bagi Hilang Upaya ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan itu (radioterapi atau kemoterapi tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar Hospital atau di pusat rawatan Kanser berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau pembedahan.

Kanser ditakrifkan sebagai sel malignan yang tumbuh dan merebak secara tidak terkawal, dan serangan serta pemusnahan tisu normal tersebut dianggap memerlukan rawatan perantaraan atau pembedahan utama (tidak termasuk prosedur endoskopi). Kanser mesti disahkan melalui tanda malignansi histologi. Keadaan yang berikut dikecualikan:

- (a) Karsinoma in situ termasuk pada serviks;
- (b) Karsinoma duktus in situ pada payudara;
- (c) Karsinoma papilari pada pundi dan kanser prostate peringkat 1;
- (d) Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan;
- (e) Penyakit Hodgkin peringkat 1;
- (f) Tumor yang menunjukkan dengan jelas komplikasi AIDS.

Menjadi syarat khas bagi Faedah ini, tanpa menyentuh pengecualian keadaan sedia ada bahawa ia tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang telah didiagnosis sebagai pesakit kanser dan/atau menerima rawatan Kanser sebelum tarikh Kuat kuasa Insurans.

2.17 Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar

Jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis sebagai mengalami Kegagalan Buah Pinggang seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat akan membayar balik Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan dialisis buah pinggang yang dijalankan di pusat dialisis berdaftar yang sah tertakluk kepada had Hilang Upaya ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk rundingan, ujian pemeriksaan, dadah yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar Hospital atau di pusat rawatan dialisis berdaftar sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital atau pembedahan.

Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan renal peringkat akhir yang menyebabkan kegagalan kronik dan tidak boleh pulih kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi dan oleh itu dialisis renal perlu dimulakan.

Menjadi syarat khas bagi Faedah ini, tanpa menyentuh pengecualian keadaan sedia ada, bahawa ia tidak akan dibayar untuk mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang mengalami Penyakit renal kronik dan/atau menerima rawatan dialisis sebelum tarikh kuat kuasa Insurans.

2.18 Had Tahunan Keseluruhan

Amaun maksimum yang bersamaan dengan agregat faedah layak yang perlu dibayar di bawah Jadual Manfaat bagi Penjagaan Hospital dan Penjagaan Ambulatori kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi setiap Polisi tahunan, tertakluk kepada Had Keseluruhan di bawah pelan pilihan mengikut Jadual Manfaat.

2.19 Elaun Belas Kasihan (disebabkan kemalangan sahaja)

Amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat akan dibayar kepada majikan sebagai pemegang amanah dalam empat puluh lapan (48) jam selepas pengesahan kematian dapat dibuktikan terhadap Orang Yang Diinsuranskan (disebabkan oleh kemalangan).

3. Peruntukan-Peruntukan

3.1 Pindaan

Syarikat berhak meminda terma dan peruntukan Polisi ini dengan memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemilik yang diketahui mengikut rekod Syarikat, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi Polisi ini. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah kecuali jika Diluluskan oleh Syarikat dan kelulusan itu hendaklah diendorskan pada Polisi tersebut. Syarikat hendaklah memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Polisi mengikut alamat terakhir yang direkodkan bagi mana-mana pindaan yang dibuat.

3.2 Timbang Tara

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak dalam perbezaan. Jika mereka tidak berjaya mendapatkan persetujuan tentang siapa yang akan menjadi Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan apabila diminta secara bertulis untuk berbuat demikian, maka kedua-dua pihak layak melantik Penimbang Tara yang setiap seorang akan mendengar perbezaan itu bersama-sama dengan Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara itu. Walau bagaimanapun, dengan syarat apa-apa penafian liabiliti oleh Syarikat bagi apa-apa tuntutan di bawah ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

3.3 Pembatalan

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat, dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun Polisi semasa, Pemegang Polisi layak menerima bayaran balik premium seperti yang berikut:

Tempoh Tidak Boleh Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari*	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%

Tempoh melebihi 11 bulan Tiada Bayaran Balik

* Layak untuk pembaharuan Polisi sahaja.

3.4 Perakuan, Maklumat Dan Bukti

Semua sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan seperti yang dikehendaki oleh Syarikat hendaklah diserahkan atas belanja Orang Yang Diinsuranskan, dan dalam borang tertentu yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat. Semua

notis apabila dikehendaki oleh Syarikat supaya diberikan oleh Pemegang Polisi, hendaklah secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah, atas permintaan dan belanja Syarikat, menyerahkan kepada pemeriksaan perubatan apabila ia dianggap perlu.

3.5 Perubahan Dalam Risiko

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah segera memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat tentang apa-apa perubahan penting dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi dan membayar apa-apa premium tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat.

3.6 Prosedur Tuntutan

- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari Hilang Upaya yang melibatkan belanja boleh tuntutan, memberikan notis bertulis kepada Syarikat dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pendapat Pakar Perubatan dan rumusan kos rawatan oleh Pakar Perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan apa-apa tuntutan jika ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat yang mungkin;
- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya dan Syarikat tidak bertanggungjawab jika rawatan atau khidmat diperlukan berikutan kegagalan Orang Yang Diinsuranskan berbuat demikian;
- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan perincian terperinci caj / rawatan / ubat untuk Allianz untuk Pesakit Luar GP dan Pakar bagi tuntutan bayaran balik bemaun RM50.00 ke atas;
- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan borang tuntutan diisi oleh Pakar menghadiri atau tuntutan Pakar Pesakit Luar di atas RM250.00.

3.7 Prasyarat Liabiliti

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan dan syarat Polisi ini dengan sewajarnya oleh Orang Yang Diinsuranskan dan selagi berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi prasyarat apa-apa liabiliti Syarikat.

3.8 Sumbangan

Jika Orang Yang Diinsuranskan mempunyai insurans lain yang melindungi mana-mana Penyakit atau Kecederaan yang diinsuranskan oleh Polisi ini, Syarikat tidak bertanggungjawab membayar jumlah yang lebih besar bagi Penyakit atau Kecederaan itu daripada jumlah yang terpakai bersama-sama ini yang ditanggung oleh Polisi ini bagi jumlah keseluruhan semua insurans yang sah yang melindungi Penyakit atau Kecederaan itu.

3.9 Tempoh Bertenang

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa alasan, Orang Yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi itu, Orang Yang Diinsuranskan itu boleh mengembalikan Polisi itu kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Polisi. Orang Yang Diinsuranskan itu layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi tersebut.

3.10 Mata Wang Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran

yang diminta oleh Orang Yang Diinsuranskan supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

3.11 Wilayah Pasaran Geografi

Semua manfaat yang disediakan dalam polisi ini terpakai dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia.

3.12 Undang-undang Yang Mengawal Polisi

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang lazim di Malaysia.

3.13 Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah kejadian itu selesai yang untuknya tuntutan itu dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan Manfaat Layak Diterima tidak akan dibayar kecuali semua bil untuk tuntutan itu telah diserahkan dan dipersetujui oleh Syarikat. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Apa-apa perbezaan atau mengetepikan bagi perkara di atas adalah mengikut budi bicara Syarikat semata-mata.

3.14 Prosiding Undang-Undang

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis tentang kerugian diberikan menurut keperluan Polisi ini. Jika Orang Yang Diinsuranskan gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi, maka Orang Yang Diinsuranskan boleh, dalam tempoh bertenang bagi satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Syarikat dengan alasan yang kukuh kerana kegagalan mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi. Penerimaan bukti kerugian itu adalah semata-mata dan sepenuhnya mengikut budi bicara Syarikat. Selepas tempoh bertenang itu tamat, Syarikat tidak akan menerima, walau dengan apa alasan sekalipun, bukti bertulis tentang kerugian itu.

3.15 Salah Nyata Atau Ketinggalan Fakta Penting

Tertakluk kepada kewajipan pendedahan Orang Yang Diinsuranskan yang berkaitan, jika sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Orang Yang Diinsuranskan berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Orang Yang Diinsuranskan gagal mendedahkan apa-apa fakta yang Orang Yang Diinsuranskan ketahui yang berkaitan dengan keputusan Syarikat untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka dalam mana-mana hal di atas, Polisi ini adalah batal.

3.16 Silap Nyata Umur

Jika umur Orang Yang Diinsuranskan telah tersilap nyata dan akibatnya premium yang dibayar tidak mencukupi, maka apa-apa tuntutan yang dibayar di bawah Polisi ini hendaklah dikira secara pro rata berasaskan nisbah premium sebenar yang dibayar dengan premium yang betul yang sepatutnya dikenakan selama setahun. Apa-apa premium yang berlebihan, yang mungkin telah dibayar akibat silap nyata umur, hendaklah dibayar balik tanpa faedah.

Jika pada umur yang betul, Orang Yang Diinsuranskan itu tidak layak dilindungi di bawah Polisi ini, maka tiada manfaat akan dibayar.

3.17 Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Syarikat. Pindaan bagi syarat dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan padanya, tidak sah kecuali pindaan itu ditandatangani atau dipapir oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3.18 Rawatan Luar Negara

Jika Orang Yang Diinsuranskan ingin mendapatkan rawatan luar negara, manfaat berkaitan rawatan hendaklah dilindungi tertakluk kepada pengecualian, had dan syarat yang ditetapkan dalam Polisi ini dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan keputusan kadar pertukaran mata wang rasmi pada hari terakhir Tempoh Dimasukkan ke Hospital dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan disediakan;

- Orang Yang Diinsuranskan yang pergi ke luar negara atas sebab selain mendapatkan rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke Hospital di luar Malaysia kerana Kecemasan Perubatan.
- Orang Yang Diinsuranskan, atas syor Pakar Perubatan dan perlu dipindahkan ke Hospital di luar Malaysia disebabkan oleh jenis yang khusus bagi rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang dikehendaki tidak boleh diberikan atau disediakan atau diambil di Malaysia.

Rawatan luar negara bagi Penyakit, sakit atau Kecelakaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik yang rawatannya boleh ditanggungkan sewajarnya hingga pulang ke Malaysia dikecualikan.

3.19 Pemilikan Polisi

Kecuali diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui Endorsemen dalam Polisi, Syarikat berhak menganggap Pemegang Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi. Syarikat tidak terikat untuk mengiktiraf apa-apa tuntutan ekuiti atau tuntutan lain ke atas Polisi atau kepentingan dalam Polisi, dan penerimaan Polisi atau Manfaat oleh Pemegang Polisi (atau oleh wakilnya yang sah atau yang diberi kuasa) sahaja hendaklah merupakan pelepasan efektif bagi semua obligasi dan liabiliti Syarikat. Pemegang Polisi hendaklah dianggap sebagai Prinsipal atau Ejen bertanggungjawab bagi Orang Yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini.

3.20 Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Polisi ini hendaklah berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Jadual. Ulang tahun Polisi adalah satu (1) tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun itu, Polisi ini boleh dibaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang diberitahu oleh Syarikat.

Polisi ini boleh dibaharui mengikut pilihan Syarikat. Permohonan mengubah manfaat kepada pelan yang lebih tinggi hanya boleh dibuat pada masa membaharui Polisi dan tertakluk kepada penerimaan Syarikat pada masa pembaharuan.

3.21 Syarat Penarikan Balik Portfolio

Syarikat berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk menghentikan penanggung jaminan produk insurans ini.

Pembatalan portfolio secara keseluruhan hendaklah diberitahu dalam masa tiga puluh (30) hari melalui notis bertulis kepada Pemegang Polisi dan Syarikat akan menghentikan semua Polisi hingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

3.22 Bukti Tuntutan

Syarikat memerlukan sebagai sebahagian daripada bukti tuntutan, bil-bil dan resit-resit asli berhubung dengan penginapan di Hospital serta caj-caj dan fi-fi yang ditanggung.

3.23 Tinggal Di Luar Negara

Tiada manfaat akan dibayar untuk apa-apa rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan di luar Malaysia, jika Orang Yang Diinsuranskan itu tinggal atau membuat perjalanan di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

3.24 Subrogasi

Jika Syarikat itu menjadi bertanggung untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini, Syarikat hendaklah mensubrogasi setakat bayaran itu ke atas semua hak dan remedi bagi Orang Yang Diinsuranskan terhadap mana-mana pihak dan berhak atas belanjanya sendiri membuat dakwaan atas perintah Orang Yang Diinsuranskan. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan atau mengarahkan agar diberikan kepada Syarikat semua bantuan seumpamanya yang di bawah kuasanya seperti yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat untuk menjamin hak dan remedi dan atas permintaan Syarikat, hendaklah melaksanakan atau menyebabkan dilaksanakan semua dokumen yang perlu bagi membolehkan Syarikat mengambil tindakan guaman secara berkesan atas perintah Orang Yang Diinsuranskan.

3.25 Pengambilalihan Polisi

Jika Polisi ini bermula sebaik sahaja selepas penamatan Polisi terdahulu dan jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya perubatan sebelum atau pada masa Polisi ini bermula (dan manfaat di bawah Polisi terdahulu disediakan untuknya), Orang Yang Diinsuranskan itu hendaklah terus dilindungi bagi Hilang Upaya yang sedia ada, tetapi tidak melebihi had polisi terdahulu dengan syarat Syarikat telah memperoleh satu salinan Polisi tersebut.

3.26 Polisi Ditingkatkan

Jika Manfaat Layak Diterima bagi mana-mana Orang Yang Diinsuranskan di bawah syarat Polisi ini ditambah semasa ia berkuat kuasa atau pada masa Pembaharuan atau penggantian dan jika Orang Yang Diinsuranskan itu mengalami Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat ditambah, maka Had Manfaat yang dibayar bagi Hilang Upaya itu tidak boleh melebihi Had Manfaat sebelum tarikh Manfaat itu ditingkatkan.

3.27 Bayaran Bersama Bilik Dan Makan Dinaikkan

Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar Bilik dan Makan yang diumumkan yang lebih tinggi daripada manfaat yang dia layak, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menanggung 20% daripada manfaat lain yang dia layak yang diterangkan dalam Jadual Manfaat.

3.28 Tempoh Tangguh

Kelayakan menerima manfaat bermula tiga puluh (30) hari selepas Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam Polisi, kecuali untuk Kemalangan yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh kuat kuasa perlindungan.

3.29 Kewajipan Pendedahan

- (a) Kontrak Insurans Pengguna
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan

tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Orang Yang Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.

- (b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna
Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Orang Yang Diinsuranskan tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.
- (c) Orang Yang Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

3.30 Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan sedemikian yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran dan keingkaran Premium akan turut diguna pakai kepada Cukai Berkenaan

4. Had Keseluruhan – 'Rider'

4.1 Penjagaan Pengamal Perubatan Am (GP) Pesakit Luar

Faedah ini hanya dapat digunakan bagi rawatan di dalam Malaysia. Faedah ini membenarkan tanpa kemasukan tunai ke pusat perubatan dengan kad elektronik, perlindungan di dalam Polisi di klinik GP panel. Faedah ini memberi perlindungan bagi perbelanjaan yang dikenakan bagi perundingan dengan GP yang berdaftar disebabkan oleh Penyakit dan Kecederaan bagi perlindungan kehilangan upaya di mana Penghospitalkan tidak membenarkan had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Faedah ini tidak melindungi pemeriksaan perubatan harian.

Faedah-faedah ini melindungi:

4.1.1 Perundingan

Perlindungan bagi bayaran perundingan oleh GP di klinik panel sahaja. Perkhidmatan pakar diet tidak dilindungi.

4.1.2 Perubatan

Perlindungan bagi kos perubatan, yang memerlukan preskripsi GP bagi bekalan maksimum satu (1) bulan.

4.1.3 Suntikan

Perlindungan kos suntikan yang memerlukan pentadbiran GP. Pencegahan pengimun/pemvaksin tidak dilindungi.

4.1.4 Makmal Diagnostik/Sinaran-X

Perlindungan bagi kos prosedur makmal dan Sinaran-X yang dibuat di klinik GP menurut ketidakupayaan yang diambil. Terapi ultrabunyi/sonatron/'heat' tidak dilindungi di dalam faedah ini.

4.1.5 Prosedur Pembedahan Pesakit Luar

Perlindungan bagi prosedur yang dibuat oleh GP di klinik panel.

4.2 Penjagaan Pakar Pesakit Luar

Faedah ini hanya dapat digunakan bagi rawatan di dalam Malaysia. Pembayaran balik bagi perbelanjaan sebenar yang dikenakan bagi perundingan dengan Pakar yang berdaftar akibat Penyakit dan Kecelakaan bagi perlindungan kehilangan upaya di mana Penghospitalan tidak membenarkan had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat dengan syarat ada surat rujukan daripada GP hanya dari klinik panel terlebih dahulu akan menerima rawatan daripada pakar. Surat rujukan ini adalah sah selama tiga puluh hari (30) dari tarikh lawatan GP dari klinik panel.

Faedah ini tidak melindungi pemeriksaan perubatan harian.

Faedah-faedah ini melindungi:

4.2.1 Perundingan

Perlindungan bagi bayaran perundingan oleh pakar kecuali apabila sesuatu perundingan adalah jagaan susulan selepas keluar dari Hospital atau prosedur Jagaan Harian bagi pembedahan Penghospitalan atau sebaliknya, di mana dilindungi di bawah Faedah Hospital dan Pembedahan. Tiada rujukan diperlukan kecuali jika berhubung kait dengan ketidakupayaan yang sama. Perkhidmatan pakar diet tidak dilindungi.

4.2.2 Perubatan

Perlindungan bagi kos perubatan yang memerlukan preskripsi pakar perubatan bagi bekalan maksimum satu (1) bulan.

4.2.3 Suntikan

Perlindungan kos suntikan yang memerlukan pentadbiran pakar. Pencegahan pengimun/pemvaksin tidak dilindungi.

4.2.4 Makmal Diagnostik/Sinaran-X

Perlindungan bagi kos prosedur makmal dan Sinaran-X yang dibuat di klinik pakar menurut ketidakupayaan yang diambil. Terapi ultrabunyi/sonatron/'heat' tidak dilindungi di dalam faedah ini.

4.2.5 Prosedur Pembedahan Pesakit Luar

Perlindungan bagi prosedur yang dibuat oleh pakar di klinik panel dengan cara pesakit luar.

5. Peruntukan-Peruntukan Khas

5.1 Kelayakan

Orang yang layak mendapatkan insurans di bawah Polisi ini pada tarikh penguatkuasaan Polisi ini adalah para Kakitangan sepenuh masa dan yang bakal diambil bertugas bekerja secara aktif untuk Majikan berkenaan bermula dari tarikh kelayakan serta berumur bawah enam puluh lima (65) tahun.

Bakal para Kakitangan sepenuh masa yang bekerja secara aktif bermula dari tarikh kelayakan ini layak untuk menyertai insurans ini menurut tarikh yang dinyatakan dalam Borang Pendaftaran Kakitangan.

Sekiranya seseorang Kakitangan itu tidak bekerja secara aktif di dalam pekerjaan hariannya, maka pada tarikh beliau sepatutnya layak sejajar dengan keperluan-keperluan di atas, tarikh kelayakannya itu akan ditangguhkan pada hari pertama setiap bulan sejurus selepas beliau kembali semula untuk bekerja sepenuh masa secara aktif.

Tanggungjawab yang layak diinsuranskan, dari masa ke semasa Polisi ini berkuat kuasa, termasuk dalam Polisi ini, jika sekiranya:

- Syarikat memohon tambahan sedemikian;
- Tanggungjawab tersebut layak diinsuranskan menurut terma dan standard penerimaan oleh Syarikat;
- Suami/isteri yang berkahwin secara sah yang berumur bawah enam puluh (60) tahun;
- Anak yang tidak berkahwin yang telah mencapai umur lima belas (15) tahun tetapi kurang daripada dua puluh (20) tahun atau dua puluh empat (24) tahun bagi yang masih menjadi pelajar sepenuh masa di pusat pengajian tinggi dan yang tidak mempunyai pekerjaan bergaji.

6. Peruntukan-Peruntukan Am

6.1 Fasal Automatik Penambahan/Pembatalan/Penukaran Status

Penambahan Kakitangan baru dan/atau tanggungan, jika ada (yakni sebaik saja diambil bekerja, pengesahan jawatan, perkahwinan, kelahiran anak dan lain-lain) seperti yang dinyatakan di **Peruntukan - Peruntukan Am 6.4**. Pembatalan perlindungan Kakitangan dan/atau tanggungan, jika ada, yang diinsuranskan (yakni sejurus selepas penamatan jawatan, pemberhentian, bercerai atau kematian), seperti yang dinyatakan di **Peruntukan - Peruntukan Am 6.10**. Sebarang perubahan pada status Kakitangan itu (yakni, kenaikan pangkat) perlu dimaklumkan kepada Syarikat serta-merta atau dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh perlindungan Ahli berkenaan berkuat kuasa.

6.2 Penukaran Faedah Dan Perlindungan

Permohonan untuk menukar Faedah yang ada kepada Pelan dan/atau Perlindungan yang lebih tinggi bagi memasukkan Suami/Isteri dan/atau Tanggungan hanya boleh dilakukan pada Tarikh Ulang Tahun Polisi ini, dan tertakluk kepada bukti penginsuransan yang cukup dan penerimaan oleh Syarikat. Tuntutan yang boleh dibayar (mengikut keadaan yang mana pelan yang ada telah dinaiktarafkan kepada faedah yang lebih tinggi) kelak akan dihitung berdasarkan had faedah yang terletak dalam pelan yang lama jika:

- la timbul dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penukaran ini diterima;
- la disebabkan oleh apa-apa Penyakit yang ditetapkan dalam masa seratus dua puluh (120) hari dari tarikh penukaran ini diterima;
- la disebabkan oleh masalah perubatan yang telah dikenal pasti terdahulu sebelum tarikh penukaran ini diterima.

6.3 Kontrak

Polisi ini, sebarang faedah tambahan atau pengendorsan ke atasnya, dan permohonan yang dikepilkan padanya, yang dijadikan sebahagian daripada Polisi ini, merangkumi keseluruhan kontrak antara pihak-pihak dalam dokumen ini. Semua kenyataan yang dibuat oleh Majikan atau sesiapa yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, hendaklah dengan tidak ada penipuan atau penyelindungan fakta-fakta penting, dianggap sebagai gambaran dan bukan waranti, manakala sebarang pernyataan tadi tidak membolehkan Polisi ini menjadi tidak sah ataupun digunakan sebagai bahan untuk mengajukan sesuatu tuntutan dalam Polisi ini.

Tiada ejen diberikan kuasa untuk membuat atau meminda kontrak ini, ataupun melanjutkan tempoh pembayaran premium, mengeneipkan sebarang perluputan atau perampasan atau mengeneipkan sebarang hak atau keperluan Syarikat ataupun mengikat Syarikat dengan membuat sesuatu janji atau menerima sebarang gambaran atau maklumat yang tidak terkandung di Polisi ini.

Hanya pegawai yang disahkan oleh Syarikat mempunyai kuasa untuk mengeluarkan bagi pihak Syarikat untuk mengeluarkan kebenaran atau melanjutkan tempo pembayaran premium ke atasnya. Syarikat tidak terikat oleh sebarang perjanjian atau gambaran yang diberikan oleh sesiapa selain daripada pegawai yang disahkan oleh Syarikat dan ia hendaklah secara bertulis saja.

6.4 Tarikh Berkuat Kuasa Insurans Individu

Tertakluk kepada sebarang bukti kesihatan yang disyaratkan dalam **Peruntukan - Peruntukan Am 6.11** di Polisi ini, insurans bagi setiap Kakitangan yang sedia ada dan yang bakal diambil bekerja akan berkuat kuasa pada tarikh kelayakan Kakitangan ini dengan syarat Majikan memaklumkan kepada Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tarikh kelayakan tersebut dan membayar premium yang diperlukan bagi jaminan Kakitangan berkenaan dari tempoh jaminan berkuat kuasa sehingga Tarikh Pembaharuan berikutnya. Sekiranya, Syarikat dimaklumkan selepas enam puluh (60) hari dari tarikh kelayakan, insurans ini akan berkuat kuasa pada tarikh Syarikat menerima pemakluman tersebut, tertakluk kepada bukit penginsuranaan yang cukup dan penerimaan oleh Syarikat.

Tertakluk kepada bukti kesihatan yang disyaratkan dalam **Peruntukan - Peruntukan Am 6.11** di Polisi ini, insurans bagi seseorang tanggungan akan berkuat kuasa pada tarikh kelayakan tanggungan ini dengan syarat Majikan berkenaan memaklumkan Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kelayakan dan membayar premium yang diperlukan bagi jaminan Kakitangan berkenaan dari tempoh jaminan ini berkuat kuasa hingga Tarikh Pembaharuan berikutnya. Sekiranya, Syarikat dimaklumkan selepas enam puluh (60) hari dari tarikh kelayakan tadi, insurans ini akan berkuat kuasa pada tarikh Syarikat menerima pemakluman tersebut, tertakluk kepada bukti penginsuranaan yang cukup dan penerimaan oleh Syarikat.

6.5 Keperluan Penyertaan

Insurans ini dikeluarkan atas dasar tidak menyumbang, di mana bayaran premium ditanggung sepenuhnya oleh Majikan, manakala orang yang layak untuk insurans ini adalah para Kakitangan yang sedia ada dan/atau bakal para Kakitangan sepenuh masa Majikan.

6.6 Mata Wang Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran yang diminta oleh Orang Diinsuranskan supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

6.7 Rekod

Majikan berkenaan hendaklah mengemukakan dari semasa ke semasa kepada Syarikat semua maklumat berhubung dengan para Kakitangan dan Tanggungan baru yang hendak diinsuranskan serta penamatan insurans para Kakitangan dan tanggungan tadi yang diperlukan oleh Syarikat bagi melaksanakan perlindungan. Sebaik saja ia diminta oleh Syarikat yang tidak lebih daripada satu kali dalam setahun, Majikan berkenaan hendaklah mengemukakan suatu penyata kepada Syarikat mengenai, Kakitangan dan data-data lain yang bersangkutan tentang para Kakitangan tersebut yang dianggap mempunyai hubungan dengan pelaksanaan perlindungan ini serta penentuan bagi menetapkan kadar premium pada masa yang hadapan. Maklumat dan rekod tadi boleh diperiksa oleh Syarikat pada bila-bila masa yang munasabah.

6.8 Keistimewaan Pembaharuan

Polisi ini dikeluarkan secara tahunan dan ia boleh diperbaharui dari tahun ke tahun tertakluk kepada persetujuan Syarikat dan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

6.9 Syarat-Syarat Khas

Syarat-syarat berikut akan terpakai kepada semua Orang Yang Diinsuranskan dan Tanggungan, jika ada;

- Terdapat tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan insurans ini bagi manfaat-manfaat Penyakit;
- Tiada manfaat akan dibayar sekiranya kemasukan ke hospital dan/atau penyakitnya bermula dalam tempoh ini;
- Walau bagaimanapun, perlindungan bagi kecederaan anggota disebabkan kemalangan akan berkuat kuasa sebaik saja insurans ini bermula.

6.10 Penamatan Insurans Individu

Insurans bagi seseorang Kakitangan akan ditamatkan sebaik saja berlakunya peristiwa yang berikut:

- Pada tarikh penamatan jawatan oleh Majikan.

Ketidakhadiran Kakitangan yang diinsuranskan daripada bekerja secara aktif disebabkan oleh kehilangan upaya atau atas sebab cuti atau pemberhentian sementara tidak akan dikira sebagai penamatan status Kakitangan ini sebagai seorang Kakitangan yang layak melainkan dan sehinggalah Majikannya memaklumkan Syarikat tentang penamatan status Kakitangan itu sama ada terlebih dulu ataupun dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penamatan itu atau bayaran premium untuk Insurans Kakitangan tadi tidak dijelaskan. Hari terakhir perlindungan untuk Kakitangan berkenaan di bawah skim jaminan ini ialah pada tarikh penamatan kerja Kakitangan tadi dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibayar bagi pihak Kakitangan ini dalam tempoh tersebut. Sekiranya, tuntutan tersebut telah dibayar dalam tempoh ini ataupun jika Syarikat telah memaklumkan selepas tiga puluh (30) hari, maka tarikh perlindungan Kakitangan ini akan terhenti pada tarikh Syarikat dimaklumkan tentang penamatan kerja Kakitangan tadi. Tetapi, dalam apa hal sekali pun, status seseorang Kakitangan itu sebagai Kakitangan yang layak tidak boleh dilanjutkan lebih daripada tiga (3) bulan dalam mana-mana tempoh ketidakhadiran beliau atau pemberhentian sementara beliau melainkan jika persetujuan bertulis Syarikat diperolehi, sebab jika tidak pada akhir tempoh ini, status Kakitangan tadi sebagai seorang Kakitangan yang layak akan dihentikan secara automatik. Walau apa yang dinyatakan di atas, insurans ini tidak akan diteruskan dalam apa hal sekalipun bagi seseorang Kakitangan yang dipanggil untuk menjalani perkhidmatan ketenteraan sepenuh masa, dan dalam hal ini, Kakitangan ini akan dianggap telah tidak lagi berkhidmat untuk majikannya; atau

- (b) Pada tarikh apabila bayaran premium bagi insurans Kakitangan yang diinsuranskan dihentikan atas sebarang sebab; atau
- (c) Pada tarikh Polisi ini ditamatkan samaada oleh Majikan atau Syarikat; atau
- (d) Pada akhir tahun polisi berikutnya Kakitangan dan Tanggungan yang diinsuranskan mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.

Insurans Tanggungan Kakitangan yang diinsuranskan itu akan terhenti:

- (a) Pada tarikh penamatan insurans yang diambil buat Kakitangan yang diinsuranskan; atau
- (b) Pada tarikh Tanggungan tersebut berhenti daripada menjadi Tanggungan seperti yang didefinisikan di Polisi ini.

6.11 Bukti Kesihatan

Bukti kesihatan yang memuaskan adalah diperlukan oleh Syarikat sebelum seseorang kakitangan dan Tanggungannya, jika ada, diterima bagi Insurans ini dan mungkin diperlukan, sekiranya berlaku sebarang peningkatan di dalam faedah kemasukkan ke hospital bagi Insurans Kakitangan dan Tanggungan. Jika hasil pemeriksaan perubatannya terbukti tidak memuaskan, maka Syarikat boleh menerima Insurans ini tetapi dengan terma-terma yang berlainan daripada terma biasa ataupun menolak perlindungan Insurans bagi Kakitangan dan/atau Tanggungannya.

6.12 Premium

Kadar premium tahunan di bawah pelan masing-masing untuk Kakitangan dan Tanggungan mereka, jika ada, adalah seperti yang tertera dalam Jadual yang dilampirkan.

Semua premium bagi Polisi ini perlu dibayar di Ibu Pejabat Syarikat di Malaysia, ataupun di Pejabat-Pejabat Cawangan Syarikat yang ditetapkan oleh Syarikat bagi tujuan ini.

Premium pertama (yakni Premium Tahunan Polisi ini) perlu dibayar pada tarikh permulaan Polisi ini dan seterusnya pada tarikh permulaan mengikut kitar pembayaran bil yang berikutnya. Premium-premium berikutan (yakni Pengendorsan/ Pelarasan Bil Premium) dibayar pada tarikh matang premium ini. Pembayaran mana-mana premium ini tidak semestinya akan mengekalkan insurans dalam Polisi ini yang masih berkuat kuasa sehingga melewati tarikh apabila premium yang seterusnya wajar dibayar kecuali jika peruntukan lain ada disebutkan dalam Jadual yang dilampirkan.

Semua insurans yang disebutkan di bawah akan terhenti serentak pada tarikh matang premium ini jika notis bertulis yang menyatakan bahawa Polisi ini tidak akan diperbaharui telah diberikan kepada Syarikat oleh Majikan pada atau sebelum tarikh matang tersebut.

Syarikat akan mengemukakan kepada Majikan berkenaan Penyata Bil bagi setiap premium yang wajar dibayar, dan ini termasuk catatan tentang sesuatu pelarasan premium, jika ada. Pelarasan premium melibatkan pemulangan wang premium yang belum diperolehi kepada Majikan yang dihadkan kepada dua belas (12) bulan terdahulu sebelum tarikh penerimaan oleh Syarikat tentang bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pelarasan perlu dilakukan, tetapi ia tidak boleh lewat melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh luput polisi ini.

Kadar premium akan dikaji semula dari tahun ke tahun dan ia tertakluk kepada pelarasan, jika diperlukan, berdasarkan pengalaman yang ada dalam portfolio Allianz Care – SMI. Walaubagaimanapun, Syarikat akan membuat kajian semula kadar pembaharuan berdasarkan individu jika diminta sebaliknya ke atas kumpulan sebagai keseluruhannya. Ini mestilah berasaskan tahap memuaskan keadaan kesihatan.

6.13 Penyelarasan Manfaat

Manfaat yang dinyatakan menurut dokumen ini adalah tertakluk pada had Jadual Manfaat dan mematuhi "AKTA".

- (a) Manfaat tidak akan dibayar bagi sebarang kehilangan upaya yang timbul daripada Kecederaan dalam tempoh bekerja, apabila manfaat diterima di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, PERKESO atau perundangan yang seumpama dengannya melainkan jika manfaat berkenaan tidak melindungi sepenuhnya caj-caj yang dikenakan yang dilindungi di Polisi ini.
- (b) Manfaat tidak akan dibayar bagi caj-caj yang diterina di bawah insurans perubatan atau pelan kerajaan yang lain kecuali bagi caj-caj yang tidak dilindungi sepenuhnya di bawah pelan tersebut.
- (c) Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan itu dipindahkan dari Hospital kerajaan ke Hospital Swasta (atau sebaliknya) bagi kehilangan upaya yang sama, maka agregat yang digabungkan bagi perbelanjaan yang layak yang dikenakan dari kedua-dua hospital tadi akan diperuntukkan dan diasingkan menurut had dalam Jadual Manfaat yang relevan yang diguna pakai untuk hospital kedua yang mana Orang Yang Diinsuranskan itu dipindahkan.
- (d) Sekiranya Orang Diinsuranskan itu dipindahkan daripada Penjagaan Ambulatori (berbentuk pesakit luar) kepada Penjagaan Dalam Hospital (berbentuk pesakit dalam) atau sebaliknya bagi kehilangan upaya yang sama, maka Orang Yang Diinsuranskan itu berhak untuk membuat tuntutan yang berasingan bagi kedua-dua manfaat di bawah had manfaat masing-masing yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

7. Pengecualian - Penghospitan

Kontrak ini tidak melindungi apa-apa penghospitan, Pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Penyakit sedia ada untuk dua belas (12) bulan pertama perlindungan.
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.
3. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Orang Yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
4. Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembedahan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
5. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
6. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, Penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan Penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
7. Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk Penyakit keturunan dan gangguan degeneratif.

8. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
9. Penghospitalkan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinaran-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
11. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
12. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
13. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya.
14. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
15. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang Yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
16. Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
17. Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
18. Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
19. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
20. Belanja yang ditanggung untuk menukar jantung.
21. Keganasan.

8. Pengecualian-Pengecualian – Penjagaan GP Pesakit Luar dan Pakar Pesakit Luar

Kontrak ini tidak melindungi apa-apa bayaran bagi pakar dan GP pesakit luar disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Ahli tidak boleh membeli atau memperolehi semua jenis luaran dan dalaman perlengkapan atau peralatan (seperti kerusi roda, implan, alat pendengaran, alat bantuan berjalan dll).
2. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali akibat kemalangan.
3. Perundingan dan pembedahan plastik/kosmetik termasuk pemeriksaan mata, cermin mata, ralat pembiasan mata dan pembetulan.
4. Terapi pertukaran hormon di mana tidak perlu dari segi perubatan.
5. Terapi alternatif (contoh akupunktur kiropraktik, refleksologi dll).
6. Pembedahan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal dan kimia.
7. Disfungsi jantung, penghantaran jantung sama ada oleh pembedahan atau kimia.
8. Penyakit penghantaran jantung dan sekuelanya, AIDS atau HIV dan apa-apa Penyakit berkaitan HIV.
9. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran), pranatal, postnatum, menggugurkan kandungan, ketaksuburan dan keguguran.
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau mengambil dos berlebihan atau sebaliknya semasa siuman atau tidak siuman.
11. Rawatan rutin atau kesihatan termasuk rawatan sakit puan.
12. Fizikal atau pisioterapi pesakit luar.
13. Terapi percakapan dan pekerjaan.
14. Rawatan bagi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital dan kurang upaya.
15. Vitamin, makanan tambahan, ubat pencegah di mana bukan dari segi perubatan, ubat herba, kekurangan berat badan atau ajen induksi.
16. Sabun, syampu atau mana-mana barang yang berkaitan dengan dandanan diri.
17. Rawatan kecederaan semasa di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau semasa menyertai apa-apa aktiviti haram atau merbahaya.
18. Percubaan alergi.
19. Penghidap psikosis, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa berkaitan neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik).
20. Panggilan ke rumah oleh doktor bagi apa-apa alasan.
21. Membeli rawatan bagi pemulihan dadah (contoh koyok/tampalan anti merokok dll).
22. Rawatan kecantikan muka atau jerawat.
23. Memberikan perubatan semasa kepada ahli bagi tempoh

lebih dari dua (2) minggu kecuali bagi ahli yang berkeadaan kronik contoh diabetes, hipertensi, dll di mana bekalan satu (1) bulan dibenarkan.

24. Rawatan/menyediakan perubatan dengan keadaan diagnosis yang tidak teratur.

9. Had-Had

- (a) Manfaat tidak akan dibayar bagi mana-mana tempoh penginapan di Hospital melainkan jika keseluruhan penginapan tadi dan kesemua perkhidmatan khas di Hospital yang diberikan itu dan pembedahan yang dijalankan, jika ada, telah disyorkan dan diluluskan oleh Pengamal Perubatan bertauliah yang sah;
- (b) Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kemasukan ke hospital yang menjadi asas sesuatu tuntutan tersebut tidak ada kaitan dengan diagnosis dan rawatan bagi keadaan tersebut di mana kemasukan ke Hospital diperlukan oleh Pengamal Perubatan yang merawat;
- (c) Manfaat tidak akan dibayar bagi sebarang caj, yuran atau perbelanjaan yang tidak disebutkan dalam **Bahagian 2** Polisi ini.

Penting

Pemegang Polisi hendaklah membaca Polisi ini dengan berhati-hati. Jika terdapat sebarang kesilapan atau salah nyataan di dalam Polisi ini, atau jika perlindungan yang diberikan tidak sejajar dengan hasrat Pemegang Polisi, notis hendaklah diberikan kepada Syarikat dengan serta-merta dan Polisi ini perlu dipulangkan untuk pindaan.

Lodging of Complaints / Penyerahan Aduan



We are committed to maintaining high levels of service, honesty, integrity and trustworthiness. If you have any reason to be dissatisfied with any of our products or services, we would like to hear from you. Your feedback is very important to us as we are always looking for ways to improve and serve you better. / Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


To provide us with your feedback, you may contact us via the following channels / Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:


Write to / Secara bertulis:

Customer Feedback Center, Allianz Arena, Ground Floor Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

Avenues to Seek Redress / Saluran untuk Penyelesaian Aduan

You may submit your complaint to the Ombudsman for Financial Services (OFS) if you are not satisfied with our final response or decision, in the event that your complaint is within the scope of the OFS as well as the following monetary thresholds / Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Insurance claims not exceeding RM250,000.00; and / Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Motor third party property damage claims not exceeding RM10,000.00. / Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

The OFS can be contacted at the following address / OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman for Financial Services, Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 enquiry@ofs.org.my

 www.ofs.org.my


If your complaint does not fall within the purview of the OFS, you may refer your complaint to Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) at the following address / Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Write to (BNMTELELINK) / Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.


Walk-in (BNMLINK) / Secara Bersemuka (BNMLINK):

Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 bnmtelelink@bnm.gov.my

 www.bnm.gov.my

You may check with our Customer Feedback Center on the types of complaints handled by the OFS or BNM before submitting your complaint. / Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my

